

Jangan salah guna bantuan blueprint

Kerajaan negeri akan pantau bagaimana penerima memanfaatkan pemberian

TELOK DATOK - Seramai 95 penerima bantuan blueprint di Kuala Langat diingatkan memanfaatkan peralatan yang diperoleh sebaik-baiknya.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kemiskinan Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang Negeri Selangor, V Ganabatirau berkata, pihaknya akan memantau kesemua penerima bantuan selama enam bulan bagi melihat sendiri kegunaan barangan tersebut.

"Penerima perlu faham bantuan itu sebenarnya untuk membantu mereka menambah pendapatan dan tidak boleh salah guna," katanya pada Majlis Penyerahan Bantuan Program Pembasmian Kemiskinan Blueprint Negeri Selangor Daerah Kuala Langat, di Dewan Sri Jugra, semalam.

Ganabatirau berkata, ke-

perluan mesin jahit antara keperluan sambutan dan ramai berkehendakkan kemudahan itu.

Dalam pada itu, Pegawai Daerah dan Tanah Kuala Langat, Rosli Othman memohon semua penerima dapat meningkatkan kualiti produk mereka.

Menurutnya, beliau tidak menafikan permohonan yang diterima terlalu banyak, namun ia perlu diteliti terlebih dahulu.

Sementara itu, penerima mesin jahit lurus, Aslina Baharun 43, berkata, dia pada asalnya hanya menjahit sukasa sahaja namun percaya boleh menjana pendapatan lumayan.

Katanya, dia tidak sangka bakal menerima mesin jahit dan akan menjadikannya sebagai mata pencari-



Ganabatirau (tengah) bergambar bersama penerima bantuan blueprint di Dewan Sri Jugra, semalam.

an seharian.

"Tak salah kita menjahit untuk mendapat upah daripada pelanggan dengan syarat kita jahit bersungguh-sungguh.

"Paling penting bantuan yang disalurkan memberi peluang kepada ramai pihak

mendapat manfaat," katanya.

Seorang lagi penerima mesin jahit lubang butang, Siti Zabedah Yusran, 49, berkata, dia memang mengambil tempahan jahit baju.

Namun katanya, dengan adanya bantuan mesin jahit

lubang butang itu, ia membantu menyenangkan proses jahitannya.

"Sebelum ni akak tak dapat jahit dengan sistematik sebab tak ada mesin jahit sesuai.

"Tapi bila dapat mesin ni akak gembiralah... lebih-lebih

lagi bolehlah pelbagaikan jahitan nanti," katanya.

Pada majlis sama, turut disampaikan mesin proses soya, motosikal roda tiga, ketuhar dan pelbagai barangan lain yang keseluruhannya berjumlah RM500,000.